

**PNM Tingkat Kerjasama Dengan Perpustakaan Amerika Syarikat
Bernama
18 Januari, 2013**

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) Datuk Raslin Abu Bakar pada Jumaat menerima lawatan Pustakawan Kedutaan Amerika Syarikat bagi Rantau Asia-Pasifik, Myra M. Brown.

Menurut Raslin, lawatan itu membuka peluang bagi kedua-dua pihak berbincang dan merangka inisiatif baharu ke arah meningkatkan lagi kerjasama dalam pembangunan perkhidmatan perpustakaan antara Malaysia dan Amerika Syarikat.

"Dengan adanya pusat sumber Malaysia di luar negara, ia sekali gus dapat mempromosikan keunikan dan keistimewaan Malaysia dalam pelbagai bidang menerusi bahan," katanya dalam sidang media di sini.

Beliau berkata sejak tahun 2000, PNM dengan kerjasama Kelab Harvard telah menubuhkan Sudut Koleksi Harvard iaitu koleksi buku dan terbitan bersiri dalam bidang perniagaan dan pengurusan.

Ia diterbitkan oleh penerbit Universiti Harvard yang sehingga kini berjumlah 1,635 naskhah, katanya.

Raslin berkata di samping itu, Malaysia turut menubuhkan empat Pusat Sumber Malaysia yang ditempatkan di luar negara dengan jumlah koleksi 30,037 naskhah terdiri daripada buku dan bahan audio-visual.

Sempena lawatan itu, Myra turut menyampaikan ceramah bertajuk "Current Trend in American Libraries" mengupas mengenai perkembangan terkini perkhidmatan perpustakaan di Amerika Syarikat.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=922717>